

# Graduan vendor institusi pengajian tinggi

UB 24-10-2012 B4

BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

**KONVOKESYEN** merupakan satu peristiwa yang amat dinantikan oleh seseorang mahasiswa di semua institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta.

Konvokesyen merupakan petanda bahawa semua ilmu yang diajari oleh para pesyarah telah selesai dan boleh digunakan dalam kehidupan seharian mahupun dalam dunia kerjaya. Lantaran itu pada hari penganugerahan ijazah ramai ibu bapa dengan penuh bangga berada di dewan yang serba indah. Apatah lagi apabila anak-anak mereka berjaya dinobatkan sebagai pelajar kelas pertama. Alangkah terharunya melihat reaksi ibu bapa yang bertepuk tangan dengan

penuh perasaan dan merasakan seolah-olah mereka juga yang turut menerima segulung ijazah. Anak-anak yang berjaya menerima segulung ijazah diinterpretasikan kejayaan ibu bapa dalam mendidik anak-anak dalam akademik, namun adakah mereka juga berjaya dalam mendidik anak-anak dalam aspek kerohanian juga? Lantaran itu berapa ramai di antara graduan telah membuat senarai semak, yang telah memanjatkan kesyukuran kepada Allah swt yang telah menganugerahkan kebijaksanaan dalam diri mereka sehinggakan selesai dan berjaya menamatkan pengajian?

Namun perlu juga diteliti bahawa berapa ramai di kalangan mahasiswa yang berjaya menamatkan pengajian dapat menceburkan diri dalam dunia kerjaya samada memasuki era baru bidang perusahaan yang diusahakan sendiri dengan

melantik diri sebagai majikan mahupun masih menunggu peluang untuk bekerja dengan kerajaan mahupun syarikat swasta? Kebanyakan para graduan berpendapat lebih selesa bekerja dengan kerajaan mahupun dengan orang lain kerana tidak berani untuk memulakan sesuatu yang baharu. Namun ada juga segelintir yang berjaya mendapat tempat di universiti sememangnya sudah mempunyai perusahaan sendiri dan belajar di institusi pengajian tinggi adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan bagi mengembangkan empayar perusahaan masing-masing. Golongan yang sedemikian akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sebanyak mungkin ilmu di dewan kuliah mahupun menjadikan mahasiswa sebagai pelanggan yang menjadi destinasi.

Di samping itu dalam diri

mahasiswa yang bergelar graduan juga perlu membuka minda bahawa hari konvokesyen merupakan hari yang paling menggembirakan, mencemaskan, malah menakutkan kerana pihak institusi pengajian tinggi secara rasminya melepaskan anda kepada dunia bekerjaya dan anda terpaksa bersaing dengan puluhan ribu graduan di dalam negara bagi mendapatkan pekerjaan. Persaingan tersebut akan memberikan peluang yang tipis kepada graduan yang pasif dan tidak mempunyai kemahiran insaniah. Justeru itu untuk hidup sebagai seorang yang dewasa perjuangan sebenar baru bermula dan sekeping ijazah tanda kematangan fikiran kerana kehidupan sebenar bukan seindah ilusi yang dihayalkan oleh semua graduan. Lantaran itu sematkan dalam minda bahawa segulung ijazah bukan menandakan anda akan diberikan

kerja dengan mudah dan memiliki sikap yang tidak tidak matang dalam mengharungi kehidupan. Perjuangan dan persaingan perlu dihadapi secara profesional dan bukan berselindung di sebalik kebaikan dan rupa paras yang cantik namun ada wajah lain yang dimilikinya. Persaingan juga memerlukan kewarasan akal fikiran dan keintelektualan yang tinggi dan tidak sewajarnya memanipulasikan orang lain demi dendam dan juga kedudukan.

Dalam psikologi sikap sedemikian akan menyebabkan minda mudah dipengaruhi oleh yang hanya mengikut hawa nafsu dan dalam agama Islam akan membenarkan syaitan menguasai diri. Apabila diri mudah dikuasai anasir jahat maka hati manusia juga akan hitam sedangkan hati memainkan peranan yang penting dalam mentarbiahkan diri untuk kembali kepada Penciptanya. Maka

dengan secara tidak langsung ia boleh dimanifestasikan melalui tindak tanduk dan tingkahlakunya sama ada mempunyai kerasionalan yang tinggi atau sebaliknya. Lantaran itu untuk menjadi salah seorang graduan yang mempunyai personaliti yang diingini oleh majikan maka kejujuran, bertanggungjawab, mempunyai sikap yang terbuka dan sebagainya perlu selari dengan kewarasan akal fikiran untuk memastikan kestabilan komunikasi dan perhubungan dengan orang lain terjaga. Dengan cara tersebut sahaja tempat pengajiannya akan terus dijulang dan sekaligus dapat mengangkat nama institusi pengajian tinggi itu. Secara tidak langsung akan dapat menarik minat dari seluruh dunia untuk memohon menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi berkenaan.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP Universiti Malaysia Sabah